

Nelayan Indonesia tangkap ikan di perairan Malaysia kena denda

Dua vesel dan wang hasil lelongan ikan dilucut hak kepada kerajaan

Oleh Hafizah Abdul Hamid

KUCHING: Dua tekong didenda RM600,000 sementara empat kru nelayan warga Indonesia didenda RM60,000 setiap seorang di Mahkamah Sesyen semalam selepas mengaku bersalah menangkap atau cuba menangkap ikan menggunakan sebuah vesel perikanan asing di perairan perikanan Malaysia.

Pengakuan itu dibuat oleh kesemua nelayan terbabit sejurus mereka didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985 dibaca bersama Subseksyen 24 akta sama dan boleh dihukum di bawah Seksyen 25(a) Akta Perikanan 1985 dibaca bersama sub-Seksyen 52 (1) (a) (i) dan (ii) akta sama.

Hakim Iris Awen Jon memerintahkan dua tekong terbabit, Suhardiy, 48, dan Kamisa, 45, serta empat kru nelayan iaitu Kamarulzaman, 32, Wahyudi, 25, Ocep Andriansyah, 41, dan Suherman, 44, masing-masing dipenjara empat bulan sekiranya gagal membayar denda.

Iris turut memerintahkan kedua-dua vesel dilucut hak kepada kerajaan, manakala wang hasil lelongan ikan



DIDENDA: Pegawai Kanan Bahagian Konsuler daripada Konsulat Jeneral Republik Indonesia di Kuching Alexandri Legawa (kanan) bersama enam nelayan tersebut di hadapan kamar Mahkamah Sesyen semalam.

turut dilucut hak kepada kerajaan selepas tamat tempoh rayuan.

Mengikut pertuduhan, kesemua lelaki tersebut didakwa menangkap atau cuba menangkap ikan menggunakan sebuah vesel perikanan asing di perairan perikanan Malaysia.

Kamisa, Wahyudi, Ocep dan Suherman masing-masing melakukan kesalahan itu sekitar jam 11.35 pagi pada 23 Julai lalu di kedudukan kira-kira 170.0 batu nautika dari Kompleks Maritim Tun Abang Salahuddin (KOM-TAS) Kuching.

Sementara Suhardiy dan Kamarulzaman melakukan kesalahan sama di kedudukan kira-kira 120.3 batu nautika dari Tanjung Po, Kuching sekitar jam 11.30 pagi pada 25 Julai lalu.

Berdasarkan fakta bagi kedua-dua kes, Kapal Maritim milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia menjalankan Ops Permai 01/19, Ops Naga serta Ops Tiris 4.0 di perairan laut Sarawak pada 23 dan 25 Julai lalu sebelum mengesan dua vesel nelayan asing yang bergerak dalam keadaan mencurigakan.

Pemeriksaan terhadap ked-

ua-dua vesel yang ditahan di lokasi dan tarikh berasingan itu mendapati ia masing-masing dinaiki tekong serta kru warga Indonesia, selain membawa hasil tangkapan ikan tanpa kebenaran untuk menangkap ikan di perairan Malaysia.

Pemeriksaan turut mendapati vesel yang dinaiki Kamisa bersama tiga kru membawa kira-kira 100 kilogram hasil tangkapan ikan, manakala vesel dinaiki Suhardiy bersama seorang kru membawa kira-kira 50 kilogram hasil tangkapan ikan ketika ditahan.

Siasatan lanjut Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia mengesahkan kedua-dua vesel ditahan dalam perairan Malaysia.

Manakala, Jabatan Perikanan Malaysia mengesahkan tiada sebarang permohonan notifikasi laluan bagi kedua-dua vesel tersebut direkodkan dalam Sistem e-Pengurusan Kes jabatan itu bagi tempoh 20 hingga 27 Julai lalu untuk memasuki perairan Malaysia dan menjalankan aktiviti perikanan.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Haffiza Jemali, sementara kesemua tertuduh tidak diwakili peguam.